

NILAI

Berdasarkan novel Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia, terdapat beberapa _____ yang ditonjolkan oleh penulis supaya dapat dijadikan ikutan buat pada pembaca.

Antaranya adalah nilai _____. Contohnya, Sures menuruti arahan Encik Kadir semasa sesi latihan di Pusat Sukan Kampung Pandan. Nilai kepatuhan terhadap jurulatihnya telah menjadikan dia seorang yang berjaya dalam _____ walaupun bertanding dengan Kamarul iaitu orang yang tidak dapat dikalahkannya suatu masa dahulu.

Selain itu, adalah nilai _____. Contohnya, Adibah iaitu sebagai ketua kelas begitu tegas dengan menghalang Kamarul daripada keluar kelas sebelum loceng berbunyi.

Akhir sekali, adalah nilai _____. Sebagai tamsilan, Kamarul insaf akan sikapnya yang sombong, bongkak dan bersikap kasar terhadap jurulatih dan kawan-kawannya. Kamarul mulai insaf akan kekhilafan dirinya setelah terlibat dalam kemalangan dan terlantar di hospital. Dia berasa terharu akan perbuatan jurulatihnya, Encik Kadir yang sentiasa _____ terhadap kesihatannya.

ketegasan	nilai murni	acara lumba lari	kepatuhan	keinsafan	mengambil berat
-----------	-------------	------------------	-----------	-----------	-----------------